

27 DEC 1999

DR MAHATHIR BERBUKA PUASA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al Hana, Kuah di sini sempena lawatan sehari pada 3 Jan.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Haji Abdul Halil Mutalib berkata kira-kira 1,000 orang dijangka hadir pada majlis itu.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan Hari Raya di sini hari ini. Seramai 40 orang yang kurang bernasib baik menerima sumbangan dari LADA berupa wang tunai dan kain.

Dr Mahathir pada setiap tahun menghadiri majlis berbuka puasa di pulau peranginan ini bersama penduduk tempatan.

Antara pemimpin yang dijangka hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain dan anggota Exco Kerajaan Negeri.

-- BERNAMA

ZI NMO